

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOPERATIF  
BERASASKAN ABAD KE-21: SATU TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN PEKAN NENAS**

**AIMI HAFIZAH BINTI FADZILAH**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2017

Saya akui laporan projek ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan  
yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

*Teristimewa buat Ibu dan Papa yang disayangi*

*Tn Hj A. Rahman Bin Hassan*

*Pn Hjh Yatimah Binti Noch*

*Suami yang dicintai*

*Mohammad Hazril Bin Abdul Hamid*

*Ahli Keluarga yang disayangi*

*Izz Hana Dhaniyah Binti Mohammad Hazril*

*Izz Hani Dahlia Binti Mohammad Hazril*

*Raiza Binti A. Rahman*

*Azlina Binti Said*

*Azani Bin Said*

*Seluruh ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menemani  
terima kasih atas segalanya.*

*Setinggi penghargaan untuk Penyelia*

*Prof. Emeritus Dr. Jailani Bin Md. Yunos*

*Terima kasih atas segala bimbingan dan pertolongan yang diberikan.*

*Semoga Allah memberkati segalanya dan kejayaan adalah milik kita semua.*

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin kurniaannya dapat saya sempurnakan projek sarjana ini dengan jayanya seperti mana yang telah dirancangkan. Di sini juga saya merakamkan sejuta penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah penyelia saya iaitu Prof. Emeritus Dr. Jailani Bin Md. Yunos yang banyak membantu dan sudi membimbing saya dalam menyiapkan projek ini.

Tidak dilupakan kepada ayahanda dan bonda yang tersayang, Tn Hj A. Rahman Bin Hassan dan Pn Hj Yatimah Binti Noch, juga suami tercinta Mohammad Hazril Bin Abdul Hamid yang sentiasa memberikan sokongan, dan galakan kepada saya dalam apa jua keadaan sekali pun. Terima kasih atas doa yang sentiasa dititipkan. Begitu juga kepada semua ahli keluarga yang tidak pernah rasa letih dalam memberi kata-kata semangat yang tinggi kepada saya untuk terus berjuang hingga ke penghujungnya. Segala nasihat yang diberikan selama ini banyak membantu menguatkan semangat saya dalam pengajian ini. Terima kasih juga atas doa yang tidak pernah putus dari kalian.

Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang turut membantu dalam memberikan ilmu pengetahuan dan idea sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu, menangis dan ketawa bersama. Jasa anda semua amatlah dihargai. Semoga kejayaan ini adalah milik kita semua.

## ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran koperatif merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkumpulan yang kini dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menghasilkan kemahiran abad ke-21 pelajar di semua institusi pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas yang merupakan sekolah di bawah Program Sekolah Amanah Daerah Pontian. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan pendekatan kuantitatif iaitu menggunakan borang soal-selidik Enam puluh satu orang guru yang menjadi responden telah memberi kerjasama yang baik sepanjang kajian dijalankan. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang meliputi dua bahagian, iaitu bahagian A (demografi) dan bahagian B (Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif). Data yang dikumpul dianalisa menggunakan data deskriptif min dan sisihan piawai, manakala data inferensi pula menggunakan analisis perisian *Winsteps* versi 3.69.1.11. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan guru dari segi pengetahuan adalah 3.08 iaitu di tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga mendapati penguasaan guru dari segi pedagogi adalah 3.09 yang juga di tahap yang tinggi. Aplikasi guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif adalah sederhana iaitu 2.40. Bagi perbezaan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif di antara guru berpengalaman dan guru kurang pengalaman, didapati bahawa pengalaman guru tidak mempengaruhi pelaksanaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran koperatif. Perbezaan di antara jantina guru juga didapati tidak mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif di dalam bilik darjah.

Kata kunci : Koperatif, Penguasaan, Pengetahuan, Pedagogi, Aplikasi.

## **ABSTRACT**

*Cooperative teaching and learning is a method of grouped learning which has been emphasized by Malaysian Ministry of Education to develop 21<sup>st</sup> century skills among students in every education institutions. This study aims to review the implementation of cooperative teaching and learning among teachers at Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas, the school is under the Trust Schools Programme for Pontian District. This study was conducted using survey method and quantitative approach which using questionnaires to collect data. Sixty-one teachers who responded offered their full commitment during the study. Data was collected using questionnaires which includes two parts, namely Part A (demographics) and Part B (Implementation of Cooperative Learning and Teaching). The collected data were analyzed using descriptive data (mean and standard deviation), and inferential data were analyzed using Winsteps version 3.69.1.11. The findings showed that teachers' mastery in terms of knowledge is high (3.08). The study also found that teachers' pedagogical mastery is 3.09, which is also high. Teachers' Application in the implementation of cooperative teaching and learning is moderate which is at 2.40. For the difference of cooperative teaching and learning between experienced teachers and teachers who lack of experience found that the teachers' experiences do not affect the implementation of the teacher in implementing teaching and learning cooperative. The difference between the teachers' gender also did not affect the implementation of cooperative teaching and learning in the classroom.*

*Keywords : Cooperative, Mastery, Knowledge, Pedagogy, Application.*

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGESAHAN</b>	
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Hipotesis Kajian	8

1.7	Kerangka Konsep Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	11
1.9	Skop Kajian	11
1.10	Definisi Operasional	12
1.11	Rumusan	14

## **BAB 2      TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Program Sekolah Amanah	16
2.3	Pendidikan Abad Ke-21	18
2.4	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	19
2.5	Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif	19
2.6	Teori Pembelajaran Konstruktivisme Sosial Vygotsky	20
2.7	Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif	21
2.8	Ciri-Ciri Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif	22
2.9	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif	23
2.10	Kelebihan Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif	24
2.11	Kelemahan Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif	24
2.12	Kajian Lepas	26
2.13	Rumusan	27

## **BAB 3      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	28
-----	-------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Populasi Dan Persampelan Kajian	29
3.4	Instrumen Kajian	29
3.5	Kerangka Operasional Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	33
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	33
3.7	Kesahan Instrumen	33
	3.7.1 Kesahan	34
	3.7.2 Kebolehpercayaan	35
	3.7.2.1 Analisis Kebolehpercayaan	
	Item dan Indeks Pengasingan	35
	3.7.2.2 Analisis Kebolehpercayaan	
	Individu dan Indeks	
	Pengasingan	36
	3.7.2.3 Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	36
	3.7.2.4 Polariti Item	37
3.8	Kaedah Analisis Data	39
3.9	Rumusan	41

## **BAB 4 ANALISIS DAPATAN DATA**

4.1	Pengenalan	42
4.2	Analisis Pulangan Soal Selidik	42
4.3	Analisis Demografi Responden	43
	4.3.1 Analisis Responden Mengikut	
	Jantina	45
	4.3.2 Analisis Responden Mengikut Umur	45
	4.3.3 Analisis Responden Mengikut	
	Kelulusan Akademik	46
	4.3.4 Analisis Responden Mengikut	
	Pengalaman Bekerja	47



4.3.5	Analisis Responden Mengikut Kekerapan Aplikasi PdP Koperatif	48
4.4	Tahap Penguasaan Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PdP Koperatif	49
4.5	Tahap Penguasaan Pedagogi Guru Terhadap Pelaksanaan Kaedah PdP Koperatif	51
4.6	Aplikasi Pelaksanaan PdP Koperatif Guru	52
4.7	Perbezaan Penguasaan Pengetahuan Guru Dengan Pengalaman Mengajar	53
4.8	Perbezaan Penguasaan Pedagogi Guru Dengan Pengalaman Mengajar	54
4.9	Perbezaan Aplikasi PdP Koperatif Guru Dengan Pengalaman Mengajar	55
4.10	Perbezaan Penguasaan Pengetahuan Guru Dalam PdP Koperatif Dengan Jantina Guru	57
4.11	Perbezaan Penguasaan Pedagogi Guru Dalam PdP Koperatif Dengan Jantina Guru	57
4.12	Perbezaan Aplikasi PdP Koperatif Guru Dengan Jantina Guru	58
4.13	Rumusan	58

## **BAB 5      PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	60
5.2	Kesimpulan Kajian	60
5.3	Perbincangan Demografi	62
5.4	Perbincangan Dapatan Berdasarkan Objektif Kajian	63
5.4.1	Penguasaan Guru Dari Segi	

Pengetahuan dan Pedagogi Dalam Melaksanakan PdP Koperatif	63
5.4.2 Aplikasi Kaedah PdP Koperatif Guru	65
5.4.3 Perbezaan Di Antara Pelaksanaan Kaedah PdP Koperatif Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar Guru	66
5.4.5 Perbezaan Di Antara Pelaksanaan Kaedah PdP Koperatif Berdasarkan Faktor Jantina Guru	67
5.3 Cadangan Kajian	68
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	69
5.5 Penutup	70
<b>RUJUKAN</b>	71
<b>LAMPIRAN</b>	78

## SENARAI JADUAL

3.1	Skala Pengukuran Likert	30
3.2	Kebolehpercayaan Item dan Indeks Pengasingan	35
3.3	Kebolehpercayaan Individu dan Indeks Pengasingan	36
3.4	Penilaian Skala Kriteria Kualiti Instrumen Oleh Fisher (2007)	36
3.5	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	37
3.6	Nilai Polariti Item	37
3.7	Kaedah Analisis Data	39
3.8	Interpretasi Skor Min	41
4.1	Analisis Pulangan Soal Selidik	43
4.2	Analisis Keseluruhan Demografi	43

4.3	Nilai Min Skor dan Tahap Persetujuan Berdasarkan Item Pengetahuan	50
4.4	Nilai Min Skor dan Tahap Persetujuan Berdasarkan Item Pedagogi	52
4.5	Nilai Min Skor dan Tahap Persetujuan Berdasarkan Item Aplikasi	53
4.6	Nilai Perbezaan Berdasarkan Pengalaman Konstruk Penguasaan Pengetahuan	54
4.7	Nilai Perbezaan Berdasarkan Pengalaman Konstruk Penguasaan Pedagogi	55
4.8	Nilai Perbezaan Berdasarkan Pengalaman Konstruk Aplikasi	56
4.9	Nilai Perbezaan Berdasarkan Jantina Konstruk Penguasaan Pengetahuan	57
4.10	Nilai Perbezaan Berdasarkan Jantina Konstruk Penguasaan Pedagogi	58
4.11	Nilai Perbezaan Berdasarkan Jantina Konstruk Aplikasi	59

## **SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	10
3.1	Kerangka Operasi Kajian	32
4.1	Carta Pai Responden Mengikut Jantina	45
4.2	Carta Pai Responden Mengikut Kelulusan Akademik	46
4.3	Carta Pai Kelulusan Akademik Responden	47
4.4	Carta Pai Pengalaman Bekerja Responden	48
4.5	Carta Pai Kekekapan Aplikasi PdP Koperatif Responden	49

## SENARAI SINGKATAN

CPD	=	<i>Continueing Profesionalisme Development</i>
GPS	=	Gred Pencapaian Sekolah
KPM	=	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	=	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	=	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSA	=	Program Sekolah Amanah
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Carta Gant	78
LAMPIRAN B	Kesahan Pakar	81
LAMPIRAN C	Borang Soal Selidik	85
LAMPIRAN D	Kebenaran Kajian	92
LAMPIRAN E	Kajian Rintis	94
LAMPIRAN F	Kajian Sebenar	97

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Tonggak dan pemimpin masa hadapan yang menjadi aset utama pembangunan sesebuah negara adalah generasi muda pada zaman kini. Kerajaan Malaysia khususnya telah memperkenalkan pelbagai aktiviti dan dasar demi memastikan akademik dan sahsiah pelajar mengalami peningkatan dalam melahirkan generasi muda yang terpinpin dan berketerampilan.

Dalam ucapan prakata Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin berkata bahawa setiap pelajar di Malaysia hendaklah diterapkan dengan nilai etika sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab, supaya mereka dapat membuat keputusan yang tepat untuk diri sendiri, keluarga, dan negara, dan seterusnya mampu untuk mengharungi dan mengatasi cabaran masa depan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Berdasarkan kenyataan oleh Mantan Timbalan Perdana Menteri itu, jelas menunjukkan keberhasilan akademik dan sahsiah pelajar dibentuk oleh institusi pendidikan, oleh itu institusi pendidikan amat penting dan perlu diberikan penekanan. Penekanan supaya institusi pendidikan melahirkan generasi yang bertanggungjawab, berilmu, dan mampu untuk mencapai kesejahteraan diri sendiri serta berupaya memberi sumbangan kepada keharmonian dan keamanan rakyat dan negara dan ini adalah amat bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sering diuar-uarkan.



Pengajaran dan pembelajaran (PdP) Abad ke-21 dilihat sebagai solusi dalam melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran di luar kotak kerana dunia kerjaya kini juga menekankan aspek kemahiran Abad ke-21 yang pelbagai yang mencakupi kemahiran berkomunikasi, 4M (Membaca, Mengira, Menulis, Menakul), sains dan teknologi, serta interpersonal. Bagi memastikan aspirasi pendidikan negara tercapai, semua pihak terutamanya masyarakat dan institusi kerajaan serta swasta perlu memainkan peranan dan menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.

Menurut Dato Abdullah Bin Mad Yunus, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dalam kata alu-aluan Buku Garis Panduan Sekolah Amanah (GPSA) 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan swasta telah bergabung di bawah aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan bahawa pelajar akan mempunyai kemahiran abad ke-21 seperti pengetahuan, kemahiran memimpin, dwibahasa, berfikir, etika, kerohanian dan identiti nasional untuk menghasilkan pendidikan yang lebih berkualiti dan mampu dinikmati oleh semua pelajar dengan menubuhkan Program Sekolah Amanah (PSA).

Pengajaran dan pembelajaran juga perlu mengikut arus pemodenan supaya guru tidak terikat dengan teknik berceramah atau berpusatkan guru semata-mata. Guru hendaklah lebih kreatif semasa merancang dan mengaplikasi proses pengajaran dan pembelajaran. Booth (1993) mengatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dapat menghasilkan pelajar yang berkualiti.

## **1.2 Latar belakang masalah**

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) untuk memenuhi kehendak standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat. Untuk menghadapi kecanggihan teknologi, generasi muda kini perlu meningkatkan tahap pemikiran mereka ke arah di luar kotak untuk terus bersaing dengan bangsa asing pada era abad ke-21 ini. Pendidikan memainkan peranan utama bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan penyumbang utama kepada kemajuan masa depan sesebuah negara.

Dalam ekonomi global masa ini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung pada ilmu pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi yang dimiliki rakyat. Oleh itu, negara yang mempunyai rakyat berpendidikan tinggi akan berpeluang menikmati kemajuan ekonomi yang lebih tinggi. Selain itu, pendidikan juga menjadi asas pembinaan negara bangsa dan pengukuhan perpaduan. Taraf pendidikan yang tinggi dapat menyediakan peluang kepada individu untuk meningkatkan taraf hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya, dan menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara.

Berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), kemahiran abad ke-21 adalah amat dititikberatkan bagi memenuhi harapan ibu bapa dan kehendak majikan terhadap generasi muda, dengan berteraskan elemen-elemen abad-21 yang sering dilaung-laungkan iaitu : kreativiti dan inovasi; komunikasi dan kolaboratif; literasi maklumat; literasi media; literasi teknologi, maklumat dan komunikasi; fleksibiliti dan mempunyai keupayaan menyesuaikan diri; berinisiatif dan mempunyai haluan diri, kemahiran sosial dan antara budaya; produktiviti dan akauntabiliti; dan yang terakhir kepimpinan dan tanggungjawab.

Guru di sekolah merupakan tonggak yang sangat penting untuk memastikan proses pendidikan dilaksanakan sesuai dengan kehendak abad ke-21. Guru merupakan tiang utama dalam dunia pendidikan yang dianggap penting dan menjadi asas yang akan menyokong dan menjadi tumpuan awal dalam proses pendidikan. Apabila guru tidak menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan prestasi pelajar akan menurun seperti mana yang dikatakan oleh Ahmad *et al* (2009), keupayaan pengajaran guru merupakan aspek penyumbang terbesar kepada pencapaian pelajar.

Oleh itu, peningkatan penguasaan guru dalam menyebarkan ilmu perlu dirancang dan dilaksanakan dengan teliti agar kualiti pendidikannya dapat menghasilkan generasi yang berkualiti. Guru yang tidak menguasai pedagogi pengajaran dan pembelajaran cenderung menggunakan kaedah tradisional sebagai medium utama pengajaran dan pembelajaran, ini disokong oleh Nik Ahmad (2015) yang menyatakan bahawa pelajar mudah berasa bosan apabila guru mengamalkan pengajaran sehalu yang langsung tidak memberi peluang kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka sekaligus membantutkan pengembangan kemahiran abad ke 21 yang sentiasa dititikberatkan.

Demi merealisasikan aspirasi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia telah bekerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan Program Sekolah Amanah yang menekankan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang berteraskan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif untuk menghasilkan pelajar yang dinamik dan berketerampilan bukan sahaja dari segi akademik malah kepimpinan, sesuai dengan keperluan masa kini, namun menurut Pejabat Pendidikan Daerah Pontian (2016) keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan gred pencapaian sekolah (GPS) sekolah yang mengikuti Program Sekolah Amanah menurun untuk tiga tahun berturut-turut (2013-2015) sejak program ini mula diperkenalkan.

Untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran berteraskan koperatif, guru perlu meluangkan masa untuk berfikir dan menyediakan bahan yang sesuai untuk diaplikasikan dalam bilik darjah. Said (2010), guru sentiasa memberi alasan tidak cukup masa untuk mempraktikkan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif. Guru tiada masa untuk merancang pembentukan kumpulan, menyediakan alat bantu mengajar, menyelia dan membimbing pelajar untuk mendokong pengajaran dan pembelajaran koperatif, kenyataan ini disokong oleh Ismail *et al* (2012) dan Yahaya *et al* (2007) yang juga menegaskan bahawa guru tiada masa yang cukup untuk membuat persediaan pembelajaran koperatif kerana dibebani dengan kerja bukan akademik

Said (2010) juga menegaskan bahawa guru menyatakan pembelajaran koperatif sukar dilaksanakan kerana pelajar kurang pengetahuan lepas tentang topik yang akan dipelajari. Ismail dan Awang (2004), menyatakan guru masih kurang mahir mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran koperatif dan kolaboratif walaupun telah melalui kursus-kursus dalaman atau anjuran KPM, JPN, dan PPD. Kursus-kursus ini memberi pendedahan dari segi konsep atau teori tetapi tidak secara praktikal. Kursus atau bengkel sehari sebenarnya tidak mencukupi untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada pengajaran dan pembelajaran koperatif. Mereka juga menegaskan faktor ini juga mengakibatkan guru kurang menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif secara aktif di sekolah. Kenyataan ini turut disokong oleh Tan (2007), sekolah di Malaysia masih berada di takuk lama kerana tahap penguasaan guru terhadap pembelajaran koperatif dan tahap keyakinan guru

untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran masih rendah.

Said (2010) turut mengetengahkan isu persekitaran kelas yang tidak kondusif atau sempit yang membantutkan pergerakan pelajar dan seterusnya menjadi penghalang kepada guru-guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran koperatif. Dalam kajian Yahaya *et al* (2007), amalan pendekatan yang terdapat dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif guru-guru sekolah dalam mata pelajaran teknik dan vokasional masih di tahap sederhana.

Pembelajaran koperatif memerlukan masa yang mencukupi, pelajar perlu masa untuk berdiskusi bersama-sama rakan. Didapati guru tidak sempat menghabiskan pengajaran topik kerana aktiviti yang menuntut penggunaan masa yang banyak. Ini menyebabkan guru selesa dengan kaedah konvensional kerana ia lebih cepat dan mudah untuk membantu dalam menghabiskan silibus. Kenyataan ini disokong oleh Hashim (2001) bahawa guru lebih gemar mengamalkan "*chalk and talk*" dalam pengajaran dan pembelajaran.

### 1.3 **Penyataan masalah**

Kaedah pengajaran abad ke-21 (PAK21) sering menjadi topik perbincangan dalam penerapan nilai dan peningkatan motivasi pelajar untuk belajar. Pengajaran yang pasif tanpa menggunakan kaedah, strategi, pendekatan dan teknik yang menarik akan menjurus kepada kelemahan proses pengajaran dan pembelajaran yang turut menyumbang kepada penurunan prestasi pelajar. Isu masa untuk penyediaan bahan dan masa kawalan dalam kelas juga menjadi kekangan kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif.

Penguasaan guru dari aspek pengetahuan perlu dipandang serius kerana guru lebih gemar mengajar secara konvensional berbanding menggunakan kaedah koperatif dan guru juga lebih menggalakkan pengajaran dan pembelajaran sehala yang mendorong kepada perasaan bosan dan sikap pasif belajar pelajar dalam kelas. Kaedah "*chalk and talk*" menjadi budaya popular dalam kalangan guru sekolah yang seharusnya dibasmi.

Menurut Hamid *et al* (2015), pemahaman pelajar menjadi lebih sukar apabila berdepan dengan penyampaian guru yang lemah di samping mempunyai pengetahuan yang terbatas. Carlgren (2013) juga menegaskan bahawa salah satu faktor kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, pemikiran kritikal adalah disumbangkan oleh guru.

Umum telah mengetahui bahawa Program Sekolah Amanah menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran koperatif, kebaikan pengajaran dan pembelajaran koperatif ini juga sering diuar-uarkan. Namun, keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah yang mengamalkan Program Sekolah Amanah (PSA) telah menurun untuk tiga tahun berturut-turut (2013-2015) di Daerah Pontian (Pejabat Pendidikan Daerah Pontian, 2016). Oleh itu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif di sekolah yang mengamalkan Program Sekolah Amanah, supaya persepsi guru terhadap kekangan yang dinyatakan di atas mendapat perhatian daripada pihak berwajib dan seterusnya dapat diatasi.

#### **1.4 Objektif kajian**

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persepsi guru terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif di Sekolah Amanah. Objektif khusus kajian ini adalah untuk :

- i. Menentukan tahap penguasaan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas dari segi pengetahuan dan pedagogi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran koperatif.
- ii. Menentukan tahap aplikasi kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.
- iii. Mengenalpasti kewujudan perbezaan di antara pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif dari segi penguasaan pengetahuan, penguasaan pedagogi dan aplikasi berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

- iv. Mengenalpasti kewujudan perbezaan di antara pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif dari segi penguasaan pengetahuan, penguasaan pedagogi dan aplikasi berdasarkan faktor jantina guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

## 1.5 Persoalan kajian

Kajian ini direka untuk mengkaji persoalan-persoalan yang berikut:

- i. Apakah tahap penguasaan guru dari segi pengetahuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif?
- ii. Apakah tahap penguasaan guru dari segi pedagogi di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif?
- iii. Apakah tahap aplikasi kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas?
- iv. Adakah wujud perbezaan di antara penguasaan pengetahuan guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas?
- v. Adakah wujud perbezaan di antara penguasaan pedagogi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas?
- vi. Adakah wujud perbezaan di antara aplikasi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas?
- vii. Adakah wujud perbezaan di antara penguasaan pengetahuan guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas?
- viii. Adakah wujud perbezaan di antara penguasaan pedagogi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas?

- ix. Adakah wujud perbezaan di antara aplikasi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas?

## 1.6 Hipotesis kajian

Terdapat enam hipotesis yang digunakan dalam kajian ini untuk menjawab persoalan kajian keempat hingga kesembilan yang dikemukakan. Enam set hipotesis null telah disediakan seperti yang berikut:

- i. Perbezaan di antara penguasaan pengetahuan guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru**

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan pengetahuan guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

- ii. Perbezaan di antara penguasaan pedagogi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru**

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan pedagogi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

- iii. Perbezaan di antara aplikasi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru**

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan aplikasi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

**iv. Perbezaan di antara penguasaan pengetahuan guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru**

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan pengetahuan guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

**v. Perbezaan di antara penguasaan pedagogi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru**

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan pedagogi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

**vi. Perbezaan di antara aplikasi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru**

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan aplikasi guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif berdasarkan faktor jantina guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas.

## **1.7 Kerangka konsep kajian**

Berdasarkan kerangka konseptual dalam rajah 1.1 fokus diberikan kepada pelaksanaan pengajaran koperatif di sekolah yang berada di bawah Program Sekolah Amanah. Kerangka konseptual kajian ini mengemukakan kategori pengalaman, dan jantina guru sebagai pemboleh ubah tidak bersandar yang mempengaruhi penguasaan guru dalam pedagogi dan pengetahuan dan aplikasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran koperatif di sekolah amanah.


Penguasaan guru dalam kajian ini adalah untuk mengkaji sama ada guru di Sekolah Amanah mempunyai penguasaan yang baik dari segi pedagogi dan pengetahuan untuk melaksanakan pengajaran koperatif di dalam kelas setelah



mengikuti sesi kursus berterusan berkenaan pengajaran dan pembelajaran koperatif yang dikelolakan oleh pegawai-pegawai Sekolah Amanah. Menurut Idris (2005), penguasaan pengetahuan guru amat penting supaya pelajar memahami pelajaran yang diberikan oleh guru yang berpengetahuan luas dalam mata pelajaran yang diajar. Menurut Ahmad (2006), penguasaan pedagogi guru perlu untuk menjana strategi pengajaran yang menekankan penglibatan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Pengalaman guru pula menunjukkan pengalaman sebagai guru yang juga menunjukkan senioriti dalam mengaplikasikan pengajaran abad ke 21, adakah guru yang berpengalaman sentiasa melaksanakan pengajaran koperatif atau hanya guru yang baharu lebih gemar mengadakan pengajaran dan pembelajaran koperatif di dalam kelas. Aplikasi yang dilakukan guru dalam pelaksanaan pengajaran koperatif turut diambil kira, sama ada guru kerap atau tidak mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran koperatif. Proses ini turut melihat pengaruh jantina guru terhadap pelaksanaan pengajaran koperatif di sekolah amanah.

Dengan adanya kerangka teori kajian ini sebagai rujukan kajian, penambahbaikan pelaksanaan pengajaran abad ke-21 berasaskan pengajaran dan pembelajaran koperatif diharap dapat dinilai semula dan diberi perhatian sewajarnya demi untuk meningkatkan prestasi pelajar generasi masa akan datang.



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

## **1.8 Kepentingan kajian**

Kajian ini dapat memberikan gambaran keseluruhan tentang persepsi guru dalam pelaksanaan pengajaran koperatif di Sekolah Amanah. Guru-guru di sekolah yang tidak mengamalkan Program Sekolah Amanah juga akan mendapat gambaran jelas penekanan pelaksanaan pengajaran koperatif di Sekolah Amanah.

Dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengesan sama ada guru-guru mengamalkan pengajaran koperatif di sekolah-sekolah amanah atau sekadar mengamalkannya ketika berlaku pencerapan dan pemantauan.

Kajian ini turut membuktikan sama ada terdapat perbezaan pengalaman guru mengajar dengan pelaksanaan pengajaran koperatif di sekolah amanah. Kajian ini juga menilai perbezaan pelaksanaan pembelajaran koperatif di sekolah amanah berdasarkan jantina guru. Dapatan kajian akan menunjukkan sama ada lelaki atau perempuan lebih cenderung melaksanakan pengajaran koperatif.

Dapatan kajian ini juga akan menunjukkan sama ada guru berpengalaman atau guru baharu lebih cenderung melaksanakan pengajaran koperatif. Dapatan kajian ini juga akan menjadi penanda aras dan petunjuk bagi mengetahui tahap kekerapan pelaksanaan salah satu elemen pengajaran abad ke 21 iaitu pengajaran koperatif di sekolah serta penanda aras untuk menjadikan Sekolah Amanah sebagai model sekolah yang melaksanakan pengajaran Abad ke-21.

## **1.9 Skop kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi guru terhadap pelaksanaan pengajaran koperatif di Sekolah Amanah berdasarkan penguasaan, pengalaman, aplikasi dan jantina guru. Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas kerana statusnya sebagai Sekolah Amanah.

Di samping itu, kajian ini akan mengenalpasti sama ada wujud perbezaan guru berpengalaman dengan guru baharu dan perbezaan guru lelaki dan guru wanita dalam pelaksanaan pengajaran koperatif di dalam bilik darjah.

Kajian ini hanya melibatkan guru sekolah yang mengamalkan Program Sekolah Amanah (PSA). Dapatan kajian ini amat bergantung kepada kejujuran guru-guru yang terpilih untuk menjadi responden.

## **1.10 Definisi operasional**

Di dalam kajian ini, beberapa istilah digunakan untuk menerangkan operasi kajian ini supaya ia dapat difahami dan tidak disalahertikan. Istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

### **1.10.1 Pendidikan abad ke-21**

Pendidikan abad ke-21 adalah pengajaran dan pembelajaran masa kini yang memberi keseimbangan antara guru dan pelajar (Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, 2013). Dalam kajian ini elemen abad-21 digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran koperatif kerana pengajaran dan pembelajaran koperatif adalah asas kepada penghasilan elemen kolaboratif yang diketengahkan dalam kemahiran Abad ke-21.

### **1.10.2 Pengajaran dan pembelajaran koperatif**

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan pelajarnya. Pengajaran ini adalah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti dalam rekod rancangan pengajaran harian untuk dilaksanakan dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan pelajar supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan (Mok, 2010).

Pembelajaran pula merupakan proses memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran, pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat diaplikasikan dan seterusnya dikekalkan (Ngasiman, 2014). Kamus Dewan Edisi Ke tujuh (2009) mendefinisikan koperatif sebagai proses kerjasama yang dihasilkan untuk memberi kebaikan kepada anggotanya.

Pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam konsep kajian ini merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan pelajar untuk menggunakan segala kemahiran dan kebolehan pelbagai dan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk merealisasikan matlamat kumpulan bersama.

### **1.10.3 Pengetahuan**

Menurut Ismail *et al* (2007) pengetahuan merupakan fakta yang menjadi asas kepada pembangunan kemahiran dan kebolehan. Untuk tujuan kajian ini, pengetahuan merupakan segala ilmu kepandaian, kebijaksanaan dalam mengetahui pelbagai hal berkaitan pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran koperatif.

### **1.10.4 Pedagogi**

Ngasiman (2014) menyatakan bahawa pedagogi adalah perkataan Yunani yang membawa maksud kecekapan guru untuk melakukan proses pembelajaran yang berkesan. Pedagogi melibatkan perkembangan kognitif dan afektif kanak-kanak. Pedagogi juga melibatkan proses pembelajaran yang merangsang perkembangan psikomotor kanak-kanak. Merujuk Kamus Dewan Edisi ke Tujuh (DBP, 2009), pedagogi membawa erti penyelidikan yang dijalankan untuk mengkaji kaedah pembelajaran dan teknik yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran. Dalam erti kata lainnya pedagogi adalah satu cabang seni untuk menghasilkan teknik pembelajaran yang berkesan.

### **1.10.5 Aplikasi**

Menurut Usman (2002), aplikasi adalah suatu tindakan atau pelaksanaan yang memerlukan aktiviti yang dapat disesuaikan. Aplikasi juga bermaksud penggunaan konsep, teori dan interaksi dalam situasi yang konkrit, mempraktikkan atau secara amali, melaksanakan atau menggunakan pada amalan teori (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Aplikasi dalam kajian ini adalah penggunaan konsep, prinsip dan teori dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif di dalam bilik darjah.

### **1.10.6 Pengalaman guru**

Sondang (2002) mengatakan bahawa pengalaman adalah keseluruhan ilmu atau pelajaran yang diperoleh seseorang melalui peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam hidupnya. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) pula, pengalaman adalah apa yang dialami, dirasai atau yang ditempuh. Pengalaman guru dalam kajian ini merupakan kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh melalui peristiwa yang dilalui, dialami, dan ditempuhi oleh guru dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif di dalam bilik darjah.

## **1.11 Rumusan**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi guru sekolah menengah dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif dan sama ada terdapat perbezaan dari segi pengalaman dan jantina guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif di Sekolah Amanah di SMK Pekan Nenas, Pontian, Johor. Latar belakang masalah telah dibincangkan bagi mengenalpasti objektif dan persoalan kajian. Kerangka konseptual kajian juga telah dibincangkan dalam bab ini, bab kedua akan menekankan beberapa hasil kajian lepas tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif. Bab ketiga akan menerangkan metodologi

kajian, bab ke-empat adalah berkenaan dapatan kajian dan bab kelima merupakan perbincangan hasil dapatan kajian.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu mengenai pengajaran dan pembelajaran koperatif. Tujuan utama kajian literatur ini adalah untuk memberikan pendedahan pengetahuan dan idea-idea pengkaji terdahulu terhadap topik kajian.

#### **2.2 Program sekolah amanah**

Sejajar dengan kehendak PPPM 2013 – 2015, Program Sekolah Amanah diadakan untuk menerapkan budaya amalan kreativiti dan inovasi dalam pendidikan berdasarkan keperluan sekolah yang akan memberi impak kepada pelajar. Menurut Sahari dan Hamzah (2016), Program Sekolah Amanah dilancarkan secara rasmi pada 10 Disember 2010 dan mula diaplikasikan di sekolah-sekolah terpilih pada tahun 2011 dengan hasrat untuk menerapkan budaya kecemerlangan dalam pentadbiran dan amalan kepimpinan, guru, pelajar, dan komuniti dalam sekolah. Program ini telah melalui pelbagai proses penambahbaikan dari segi struktur dan kaedah pelaksanaan semenjak ia diperkenalkan.

Paksi utama budaya sekolah adalah berdasarkan amalan barisan kepimpinan yang berkualiti, guru yang berdedikasi serta pembelajaran berpusatkan pelajar yang menjurus kepada fakta dan evidens. Sekolah Amanah kini telah dijadikan sebagai

penanda aras dan pusat rujukan untuk sekolah yang mengamalkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). PSA telah menerapkan budaya pemimpin, budaya guru dan budaya pelajar di sekolah.

Dalam Garis Panduan Sekolah Amanah yang diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) menyatakan bahawa Sekolah Amanah telah menetapkan dua belas budaya utama yang perlu diterapkan dalam diri pelajar. Pelajar perlu aktif, berani, yakin dan sentiasa ingin mencuba. Pelajar perlu menubuhkan Kumpulan Suara Pelajar (*Student Voice Group*, SVG) yang memerlukan mereka memimpin rakan – rakan dan mengendalikan pelbagai aktiviti dan program rasmi sekolah.

Ketiga, Sekolah Amanah memberi peluang untuk mengamalkan 6 aspirasi pelajar dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Pelajar juga perlu merasa seronok bekerja dalam kumpulan. Pelajar perlu berani menyuarakan pendapat dan berkeyakinan tinggi. Pelajar menjadi komuniti yang sedia membantu dan sensitif terhadap keperluan komuniti setempat. Ke-tujuh, pelajar membudayakan rasa bangga dengan hasil kerja mereka dan sentiasa mendapat penghargaan daripada pihak sekolah. Pelajar mempunyai rasa empunya terhadap sekolah supaya tiada kejadian vandalisme berlaku. Pelajar juga bersedia membantu rakan sebaya dalam pelajaran.

Selain itu, pelajar akan menjadi Duta Kecil (*Little Ambassador*) sekolah. Pelajar yang dihasilkan oleh PSA juga akan diterapkan dengan sifat kreatif dan inovatif. Mereka juga diberi dorongan dan motivasi dengan penghargaan hasil kerja mereka terutamanya secara berkumpulan dan ia dipamerkan.

Untuk menerapkan dua belas budaya pelajar yang disarankan oleh PSA, maka warga Sekolah Amanah telah membudayakan kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif di dalam bilik darjah sebagai metod utama Sekolah Amanah. Menurut Nagarathanam *et al* (2016), untuk merealisasikan kemenjadian pelajar dan budaya koperatif di dalam bilik darjah, peningkatan kualiti dan profesionalisme keguruan telah dilakukan dengan memberi bimbingan yang berterusan kepada guru yang dikenali sebagai *Continueing Professionalisme Development* (CPD).



### 2.3 Pendidikan abad ke-21

Pembelajaran Abad ke-21 menekankan bahawa guru boleh memimpin kelas dengan memberi arahan langsung dengan baik, dan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkenaan kandungan kemahiran asas, teori, kurikulum, pelajar, bilik darjah serta mampu untuk melakukan pentaksiran sumatif secara berkesan kepada pelajar. Pelajar pula belajar dengan berteraskan pembelajaran koperatif dengan memupuk kemahiran kolaboratif, menjalani proses pembelajaran berasaskan pelajar, boleh melakukan tugas secara praktikal, mempunyai kemahiran hidup, boleh bekerja dalam kumpulan, mampu melakukan pentaksiran formatif terhadap diri serta ahli kumpulan serta mengaplikasikan segala yang dipelajari untuk kepentingan masa hadapan dan kehidupan sebenar.

Pendidikan abad ke-21 mendidik guru untuk lebih matang dalam mengapikasi teknik pengajaran dan pelajar akan mendapat manfaat dari sesi pembelajaran untuk menghasilkan serta mengekalkan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran era globalisasi (Amran & Rosli, 2017).

Baharuddin *et al* (2015) menyatakan bahawa ciri-ciri guru abad ke-21 yang perlu dipenuhi oleh guru masa kini adalah: menguasai kurikulum yang diajar; mahir dan berketerampilan dalam pedagogi; memahami perkembangan pelajar dan menyayangi mereka; memahami psikologi pembelajaran; memiliki kemahiran kaunserling; dan menggunakan teknologi terkini.

Pelajar juga perlu mempunyai ciri-ciri pelajar abad ke-21 supaya aspirasi PPPM (2013-2025) dapat direalisasikan. Ciri-ciri pelajar adalah : Berupaya membuat hubung kait; bijak menyoal; yakin berkomunikasi; berani mengambil risiko; sentiasa dahagakan ilmu; mempunyai perasaan ingin tahu; bijak menjana idea; fleksibel; tidak mudah berputus asa; mendengar dan membuat refleksi; berkemahiran kritis; menguasai kemahiran literasi; berani mencuba; mampu berfikir sendiri; yakin membuat inisiatif; mampu bekerja dengan orang lain; berani membuat perubahan dan berintegriti.

## 2.4 Kaedah pengajaran dan pembelajaran

Kaedah pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada susunan langkah-langkah untuk mengajar secara bersistematik berdasarkan prinsip dan teori pengajaran dan pembelajaran. Langkah-langkah pengajaran dibina secara teliti supaya pengajaran dan pembelajaran lebih terarah dan berjalan lancar (Said, 2010).

Ahmad dan Noor (2010) menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah perancangan atau prosedur kegiatan pembelajaran yang merangkumi pilihan cara penilaian yang akan dilaksanakan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran ini boleh didefinisikan sebagai satu proses dan prosedur yang teratur menggunakan cara yang teratur untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengajaran akan disesuaikan dalam pengembangan teknik. Contohnya kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif akan diikuti dengan teknik *Jigsaw*, *STAD (Students Team Achievement Divisions)*, *NHT (Number Head Together)*.

## 2.5 Pengajaran dan pembelajaran koperatif

Pembelajaran koperatif merupakan model pembelajaran yang memerlukan pelajar belajar dengan mengaplikasikan aktiviti belajar dan bekerja dalam kelompok kumpulan pelbagai kebolehan (*heterogen*) (Slavin 2005). Pembelajaran koperatif adalah kumpulan pelajar yang bekerjasama untuk menyelesaikan masalah atau tugas (Johnson, Johnson & Holubec, 2002).

Menurut Suprijono (2009), pembelajaran koperatif merupakan semua jenis tugas berkumpulan tidak terkecuali yang dipantau oleh guru atau melibatkan guru. Kebiasaannya, pembelajaran koperatif dianggap sebagai aktiviti yang menerima arahan dari guru, penetapan tugas dan penyediaan bahan juga daripada guru. Pelajar akan menggunakan semua perkara yang diberikan guru untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan.

Pembelajaran koperatif lazimnya dilakukan bersama oleh empat hingga enam orang pelajar. Johnson & Johnson (2014) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran koperatif adalah satu kaedah yang mengkehendaki pelajar belajar bersama-sama dalam menyiapkan satu tugas untuk kumpulan masing-masing. Pengajaran dan pembelajaran koperatif berlaku apabila pencapaian pelajar bergantung kepada pencapaian kumpulan.

Dengan kata-kata lain, pengajaran dan pembelajaran koperatif adalah satu pendekatan yang mengajar pelajar bekerjasama dalam kumpulan pelajar yang kecil, saling membantu antara satu sama lain untuk memenuhi kehendak tugas individu atau kumpulan. Pengajaran dan pembelajaran koperatif juga memerlukan pelajar saling berinteraksi dengan satu sama lain dan setiap antara mereka adalah saling bergantung.

Dalam pembelajaran Abad ke-21, pengajaran dan pembelajaran koperatif mendukung empat cabaran utama iaitu: kebergantungan kepelbagaian isu global, penambahan bilangan negara demokrasi seluruh dunia, keperluan untuk usahawan-usahawan kreatif serta kepentingan yang bertambah hubungan interpersonal. (Johnson & Johnson, 2014). Keperluan pengajaran dan pembelajaran koperatif amat perlu untuk menghadapi cabaran-cabaran yang dinyatakan. Oleh kerana itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggalakkan pengajaran dan pembelajaran abad ke -21 dengan berpaksikan pengajaran dan pembelajaran koperatif sebagai asas pendidikan abad ke-21 dalam PPPM 2013-2025 dan penghasilan Buku Panduan Pendidikan Abad Ke-21 untuk memberi panduan penuh kepentingan pengajaran dan pembelajaran koperatif di sekolah (Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21, 2017)

## **2.6 Teori pembelajaran konstruktivisme sosial vygotsky**

Vygotsky dalam Ahmad & Noor (2010) mengatakan bahawa teori pembelajaran adalah proses kognisi sosial. Pelajar daripada pelbagai latar belakang disesuaikan antara satu sama lain untuk melakukan kolaborasi untuk menyelesaikan masalah bersama agar kesepakatan dan pengetahuan yang sama dapat diperoleh.

Pengajaran dan pembelajaran sinonim dengan teori ini kerana pelajar akan lebih mudah memahami konsep pengajaran dan pembelajaran melalui perbincangan secara berkelompok.

Apabila pelajar bersama-sama bekerjasama dan saling bantu membantu untuk menyelesaikan masalah, perlakuan ini telah pun memenuhi keperluan teori Vygotski tentang hakikat sosial iaitu belajar.

Teori pembelajaran yang diketengahkan oleh Vygotski ini dapat menghasilkan individu yang memiliki kemampuan berfikir untuk menyelesaikan masalah. Guru akan memberi fokus untuk menyusun hubungan antara fakta serta menguatkan perolehan pengetahuan yang baharu untuk pelajar. Guru juga dimestikan untuk menyediakan soalan berujung terbuka (*open ended questions*) untuk mendorong pelajar melakukan perbincangan menyeluruh serta dapat berfikir di luar kotak dan seterusnya membina pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar.

## **2.7 Prinsip pengajaran dan pembelajaran koperatif**

Pembelajaran koperatif yang bertunjangkan pembelajaran berkumpulan pada dasarnya tiada perbezaan, namun Johnson dan Johnson, (2009) telah menegaskan bahawa pembelajaran koperatif perlu memenuhi prinsip-prinsip tertentu untuk mencapai objektif pembelajaran koperatif secara menyeluruh atau maksimum. Said. (2010) menyatakan bahawa menurut Pencer Kagan & Johnson & Johnson terdapat empat prinsip utama koperatif, namun Johnson dan Johnson (2009) telah menentukan bahawa prinsip asas pembelajaran koperatif terbahagi kepada lima komponen utama.

Komponen pertama adalah saling kebergantungan positif (*Positive Interdependence*). Dalam komponen ini pelajar perlu memenuhi dua kriteria iaitu yang pertama, pelajar perlu mempelajari bahan-bahan atau tugas yang telah diberikan kepada mereka. Yang kedua, pelajar perlu memastikan bahawa semua ahli kumpulan pembelajaran koperatif tersebut juga mempelajari bahan-bahan atau tugas yang telah diberikan guru tanpa kompromi atau meninggalkan mana-mana bahagian pembelajaran yang diberikan.

Komponen kedua adalah kebertanggungjawaban individu (*Individual Accountability*). Setiap pelajar hendaklah memainkan peranan masing-masing dalam

kumpulan demi menyelesaikan masalah atau menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru tanpa ada pelajar yang menjadi ahli “tumpang” dalam kumpulan. Setiap ahli kumpulan perlu sedar bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang perlu dipenuhi bukan sahaja untuk kebaikan semua ahli kumpulan malahan diri sendiri. Oleh itu, guru perlu memastikan kumpulan yang terbentuk berskala kecil supaya tanggungjawab ahli kumpulan dapat dibahagikan sama rata. Pelajar juga perlu diberi peluang dan kesempatan untuk mengajar atau menjelaskan serta menghebahkan ilmu yang dipelajari pada sesi pembelajaran tersebut.

Komponen ketiga adalah interaksi serentak (*Face to Face Interaction*). Prinsip ini dapat menghasilkan kebergantungan positif seperti yang dinyatakan pada prinsip pertama. Prinsip ini diaplikasikan apabila berlaku interaksi di antara ahli kumpulan, perbincangan perlu berlaku sepanjang proses menyelesaikan tugas yang diberi. Interaksi ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penglibatan aktif serta potensi belajar setiap pelajar.

Komponen keempat adalah kemahiran interpersonal (*interpersonal skills*) yang terbentuk apabila pelajar perlu bekerjasama dalam kumpulan, kemahiran sosial dan kemahiran bekerja dalam kumpulan dapat dipupuk. Kemahiran interpersonal dipenuhi kerana pembelajaran koperatif memerlukan kepimpinan, interaksi sosial, saling mempercayai, kebolehan membuat keputusan, pengurusan konflik yang baik untuk menyelesaikan semua tugas yang diberikan oleh guru.

Komponen terakhir yang dinyatakan oleh Roger Johnson dalam Said. (2010) dan Roger and David (2009) adalah pemprosesan kumpulan (*Group Processing*) yang merujuk kepada menilai. Melalui pembelajaran koperatif, ahli kumpulan dan guru dapat membuat refleksi dengan menilai sejauh mana pengajaran dan pembelajaran telah berjaya diselesaikan. Maklum balas daripada kumpulan lain juga akan membantu pelajar untuk menilai diri mereka sendiri.

## **2.8 Ciri – ciri pengajaran dan pembelajaran koperatif**

Menurut Isjoni (2009), pengajaran dan pembelajaran koperatif mempunyai lima ciri-ciri khas. Yang pertama adalah matlamat kumpulan, matlamat kumpulan berkait rapat dengan hasil akhir kumpulan yang ingin dicapai, pelajar perlu mempunyai

matlamat kumpulan dan menjadikan ia sebagai dorongan serta motivasi sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran koperatif berlangsung supaya tugas tidak tersasar daripada matlamat yang perlu dicapai.

Ciri-ciri kedua adalah peranan ahli, setiap ahli dalam kumpulan perlu mempunyai peranan dan tanggungjawab tertentu supaya tidak wujud istilah ahli kumpulan “tumpang” atau parasit. Ahli kumpulan seperti ini merupakan ahli kumpulan yang tidak bertanggungjawab dan terlalu mementingkan diri. Matlamat kumpulan akan sukar dicapai sekiranya ahli kumpulan tidak menjalankan peranan masing-masing dengan baik.

Sumber atau bahan merupakan ciri-ciri yang ketiga, sumber dan bahan pengajaran dalam pembelajaran koperatif hendaklah dikongsi bersama, setiap ahli kumpulan boleh mempunyai bahan-bahan sendiri, namun perlu dikongsi bersama supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua ahli kumpulan tanpa ada yang ketinggalan.

Interaksi bersemuka dalam pengajaran dan pembelajaran koperatif adalah setiap ahli kumpulan hendaklah mempunyai interaksi secara bersemuka dan terkawal. Semua ahli kumpulan perlu berinteraksi sesama mereka untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah serta tugas yang diberikan oleh guru.

Ciri-ciri yang terakhir adalah tanggungjawab individu, setiap ahli kumpulan bertanggungjawab ke atas kejayaan kumpulan tersebut. Setiap ahli perlu membimbing antara satu sama lain untuk memastikan semua ahli kumpulan memahami tugas mereka dan bersedia untuk menduduki sebarang penilaian yang akan diberikan guru pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut.

## **2.9 Kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif**

Menurut Said. (2010) terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran koperatif yang boleh digunakan oleh guru, namun menurut buku “*The LeapEd Approach to Cooperative Learning*” yang dihasilkan oleh LeapEd (2015), hanya 14 sahaja yang menjadi budaya di sekolah amanah.

Kaedah yang sering diamalkan di sekolah amanah adalah *Idea Rush*, pelajar akan mencari idea secara bersendirian, menulis idea dan menyatakan idea dengan

suara yang kuat dan menampalkan idea tersebut di atas sehelai kertas besar tertera persoalan yang guru berikan, pelajar akan terus menerus memberi idea dengan syarat tidak menulis kembali idea yang telah ditulis oleh rakan mereka.

Dalam kaedah *Share-N-Turns*, pelajar akan mencari idea secara berpasangan, berbincang bersama rakan, dan akan bergilir memberi idea dalam kumpulan (pasangan yang berlainan dalam kumpulan yang sama).

*One- Two-Group* merupakan kaedah yang memerlukan pelajar bekerja secara berpasangan dengan menemuduga dan ditemuduga, kemudian mereka akan bertukar peranan, akhirnya akan berkongsi pengalaman menemuduga dan ditemuduga tadi kepada ahli pasukan yang lain.

Kaedah *Look-Think-Comment*, setiap kumpulan membincangkan satu topik umum, dan memaparkannya di kawasan masing-masing. Kumpulan lain akan pergi ke satu persatu kumpulan lain untuk membuat penilaian, memberi komen, penambahan idea atau persoalan pada kertas pameran berkenaan menggunakan warna yang berbeza.

Kaedah *Find A Treasure*, setiap kumpulan akan mendapat fail yang di dalamnya terkandung persoalan yang berlainan bagi setiap kumpulan. Ahli kumpulan perlu menyelesaikan persoalan tersebut, menyimpan kembali persoalan serta jawapan dalam fail tadi dan kemudiannya bertukar fail dengan kumpulan lain untuk membantu memberi idea untuk persoalan yang lain.

Kaedah *Token Talk Time* yang juga terkenal dengan nama *Talking Chips*, setiap pelajar perlu meletakkan *token* di tengah – tengah apabila ingin bercakap. Mereka tidak dibenarkan bercakap sehingga semua ahli kumpulan telah mendapat peluang bercakap.

*Roam or Remain* dilakukan dengan tiga atau dua ahli kumpulan akan meninggalkan kumpulan untuk menyemak hasil pembelajaran kumpulan lain dan seorang atau dua orang ahli akan tinggal untuk menyambut kedatangan ahli kumpulan lain dan menerangkan hasil dapat kumpulan tersebut.

Dalam kaedah *North to South*, bilik darjah akan ditanda sebagai Utara, Selatan dan pertengahan antara Utara dan Selatan. Guru memberi kenyataan, pelajar yang setuju akan berada di Utara, pelajar yang tidak memilih mana-mana akan berada di tengah, pelajar yang tidak bersetuju akan berada di Selatan. Guru akan tanya pendapat pelajar mengikut tempat mereka berdiri.

## RUJUKAN

- Ahmad, A., Rahman, S. H. A. & T. Abdullah N. A. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Penyelidikan* 7, 15-12
- Ahmad B. & Noor H. (2010). *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pendidikan. Teori dan Konsep Asas*. Shah Alam. Synergy Media Sdn. Bhd.
- Ahmad, M. C. (2008). *Tahap Kesediaan Pengetahuan dan Kemahiran Amali Guru-Guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Mara Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Ahmad, S. (2006). *Kemahiran Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributor.
- Amran N. & Rosli R. (2017). *Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke-21*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz Z. & Bustam S. (2011). Kesan Strategi Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Geografi. Tingkatan Satu – Topik Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1) 1-10
- Baharuddin M. H., Ahmad A.R. & Yakub N.M. (2015). *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Abad ke-21: Isu dan Cabaran. Proceeding of the 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Booth, T., & Booth, W. (1993). Parenting with learning difficulties: lessons for practitioners. *British Journal of Social Work*, 23, 459-480.
- Bustam Z.A, (2011). Kesan Strategi Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Geografi Tingkatan 1 – Topik Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. *Jurnal Pendidikan* 36, 1-10
- Carlgren. T. (2013). Communication, Critical Thinking, Problem Solving: A suggested For All High School Students in the 21<sup>st</sup> Century. *Interchange*, 44, 63-81.



- Chua Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan Buku I*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2007). *Kamus Dewan Edisi ke-empat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2009). *Kamus Dewan Edisi ke-tujuh*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Fisher WP. Jr. (2007). *Rasch Measurement Transaction.21*. America: Transaction of the Rasch Measurement SIG American Educational Research Association.
- Ghafar A. M. N. (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidik. Edisi Pertama*. Skudai. Penerbit UTM.
- Hall A. R. (2006). *Families, Children and Communities in a Multicultural and Diverse Society*. Nova Southeastern University.
- Hamid K. A., Ahmad A., Awang M.M., Ahmad A.R (2015). Kepentingan Pengetahuan Pedagogi Isi kandungan (PPIK) Bagi Guru Bukan Opsyen Dalam Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah: Satu Kajian Retrospektif Di Malaysia. *Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Vol 1, 253-258.
- Hanim, Z. (2004). *Penggunaan Pembelajaran Koperatif Dalam Matematik Penyelidikan Tindakan Di Sekolah Rendah Di Kalimantan Timur, Indonesia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Tesis Doktor Falsafah.
- Hashim Y. (2001). *Reka Bentuk dan Sistem Instruksi*. Kuala Lumpur ; Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Hassan, A. (2012). *Instrumen Penilai Pembimbing Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) Pelajar Di Industri*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ph.D.
- Hennessy A, and Dionigi R.A (2013), Implementing Cooperative Learning in Australian Primary Schools: Generalist Teachers' Perspectives. Charles Sturt University. *Educational Research*, 23 (1).
- Idris N. (2010). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. 1<sup>st</sup> Ed. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Idris, N. (2005). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.

- Ishak, N. A. Jamil, H. Razak N. A. Ahmad, M. Z. (2013). Amalan Pedagogi Produktif Dalam Kalangan Guru-Guru Sains Sekolah Menengah Di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction. Vol. 10. 233-269.*
- Isjoni (2009). *Cooperative Learning Efektivitas Pembelajaran Kelompok*. Bandung : Alfabeta.
- Ismail A, Hasbullah K, Abu Bakar R, Othman M. H. (2007). Kesan Pemindahan Pengetahuan, Kemahirandan Kebolehan ke Atas Amalan Komunikasi Dalam Sistem Mentoring di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jilid 22, 133-160.*
- Ismail S. dan Awang M. I. (2004). *Penilaian Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Universiti Utara Malaysia.
- Ismail S., Tabrani M., & Hamzah R. (2012). *Kekangan Aplikasi Pengajaran Koperatif Di Sekolah Rendah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Isnon, H. dan Badusah, J. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM. Vol. 7. Bil 1 (Mei 2017): 56-65.*
- Johnson, D. W., Johnson, R. T (2014) Cooperative Learning in 21<sup>st</sup> Century. *Anales De Psicologia. Vol.30, 841-851.*
- Johnson, D. W., Johnson, R., & Holubec, E. (2002). *Circles of Learning: Cooperation in the Classroom*. 5<sup>th</sup> Edition. Edina, MN: Interaction Book Company,
- Johnson, D.W., & Johnson, F. (2009). *Joining together: Group theory and group skills*. 10<sup>th</sup> Edition. Boston: Allyn & Bacon
- Johnson, D.W., Johnson, R.T. (1990). Social Skills For Successful Group Work. *Education Leadership, 47 (4). 29-33.*
- Kagan, S. & Kagan, M. (2009). *Kagan Cooperative Learning*. San Clemente, CA : Kagan Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lulusan Menengah)*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), *Garis Panduan Sekolah Amanah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Putrajaya. Yayasan Amir & LeapEd.

- Kerlinger, F.N. (1970). A Social Attitude Scale: Evidence on Reability and Validity. dalam Dr. Teh K.S.M. (2015) *Reka Bentuk Kajian*. Dicapai pada November 25, 2016 dari <http://www.slideshare.net/wmkfirdaus/reka-bentuk-kajian-dr-kamarul>
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Laird T. F. N., Garver, A. K., Niskode, A. S. (2007). Gender Gaps: Understanding Teaching Style Differences Between Men and Women. *Paper Presented at the Annual Meeting of the Association for Institutional Research*. Kansas City, MO
- Landell K. (1997). *Management by Menu*. London : Wiley dan Sons Inc.
- Lau C. C. J. (2009). Keberkesanan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Permainan Panggil Nombor (Nht) Dalam Proses Pembelajaran Sains Tahun Empat Di Kuching. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN amb. Januari 2009, *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*, ms.210-222.
- Law, Y. (2008). Effects Of Cooperative Learning On Second Graders' Learning From Text. *Educational Psychology*, 28, 567-582
- LeapEd (2015), *The LeapEd Approach to Cooperative Learning*. Edisi Pertama. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leh, L. Y. (2009). *Perbezaan antara Penguasaan Teras Pengetahuan Mengajar di Kalangan Pensyarah Politeknik Kuching Sarawak*. Dicapai pada Jun 9, 2017 dari <http://www.researchgate.net/publication/313428456>
- Ling X (2015), *Application of Cooperative Learning Approach: Teachers' and Students' Perceptions Towards Cooperative Learning*. State University of New York at Fredonia. Tesis Master
- Marzano, R. J., Pickering, D. J., & Pollock, J. E. (2001). *Classroom instruction that works ; Research-Based Strategies For Increasing Students Achievement*. Alexandria, VA : Association for Supervision and Curriculum Development.
- Megnesio, S & B. Davis (2010). *A Teacher Fosters Social Competence With Cooperative Learning*. San Clemente, CA : Kagan Publishing.
- Mok, S. S. (2010). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.

- Nagarathanam R., Ismail A. A., Zin N.M., & Nasir S.H.M. (2016). *Pelaksanaan Pendidikan 'Sekolah Amanah' di Sekolah Kebangsaan Sultan Hisamuddin Alam Shah Kuala Lumpur*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ngasiman, N (2014). *Kesan Kaedah Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Nik Ahmad N. N. A. (2015). *Pendidikan Kelas Abad Ke-21*. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur. Sinar Harian Sdn. Bhd.
- Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21 (2017). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21*. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Pontian (2016), *Analisis Peperiksaan Awam; Sijil Pelajaran Malaysia SPM Sekolah Menengah Daerah Pontian*. Pontian Johor.
- Qais F., Zainab A. & Hamidah. M. (2007). Redefining Classroom Cultural Through International Design. *Proceeding of the 1<sup>st</sup> International Malaysian Educational Technology Convention, (2)*, Johor Bahru, Malaysia.
- Ratnadi, Ari, N. N., Niliasih, Kerti, P., Padmadewi, Nyoman, N. (2014). A Descriptive Study of Male and Female Teachers' Preferences of Strategies Used For Teaching Speaking in SMPN 1 Singaraja. *E-Journal Program Pascasarjana Universitas Pendidikan Ganesha Program Studi Pendidikan Bahasa Inggris. Vol. 3*. Universiti Pendidikan Ganesha Singaraja, Indonesia.
- Sahari M.A. & Hamzah M.I.M (2016). *Amalan Kecemerlangan Pentadbiran Sekolah Amanah Di Sarawak*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Said I. (2010). *Kaedah Pemelajaran Koperatif Sekolah Rendah*. Edisi Pertama . Shah Alam. Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sapinas, I. (2007). *Tinjauan Amalan Pembelajaran Koperatif di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di MRSM Gerik, Perak*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Shohani S., Azizifar A., Kamalvand A. (2014). The Relationship Between Novice and Experienced Teachers' Self Efficacy for Classroom Management and Students' Perceptions of Their Teachers' Classroom Management. *Research on Humanities and Social Sciences. Vol 4, No. 16*.
- Slavin, R. (1994). *Using Student Team Learning*. 4th ed. Baltimore: Johns Hopkins University, Center for Social Organization of Schools.

- Slavin, R. E (1996). Research on Cooperative Learning and Achievement : What We Know, What We Need to Know. *Contemporary Educational Psychology*, 21(1), 43-69.
- Slavin, R.E. (2005). *Educational psychology: Theory into practice*. Englewood Cliff: Prentice Hall Ltd.
- Sondang, P. S. (2002). *Kepemimpinan Organisasi dan Perilaku Administrasi*. Jakarta: Penerbit Gunung Agung.
- Sukarno B. B. (2010). *Pembelajaran Fisika Dengan Pendekatan Kooperatif Model Stad Dan Jigsaw Ditinjau Dari Gaya Belajar Dan Interaksi Sosial Siswa*. Universitas Sebelas Maret, Surakarta. Tesis Sarjana.
- Suprijono A. (2009). *Cooperative Learning, Teori & Aplikasi PAIKEM*. Surabaya: Pustaka Pelajar.
- Tan Y. H. (2007). *Kesediaan guru Pelatih UTM Terhadap Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Dalam Proses PdP Matematik KBSM*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Thronsdn, I. & Turmo, A. (2012), Gender Differences in Teachers' Beliefs and Primary School Children's Achievement in Mathematics. *Problems of Education in The 21<sup>st</sup> Century*. Vol. 39 (159). University of Oslo, Norway.
- Usman, N. (2002). *Konteks Implementasi Berbasis Kurikulum*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Wichadee S. & Orawiwanakul W. (2012). Cooperative Language Learning: Increasing Opportunities For Learning In Teams. *Journal of College Teaching and Learning*. Vol. 9 (2). Bangkok University, Thailand.
- Wilson, J. L. & Caston M. (2004). Cooperative Learning On Academic Achievement In Elementary African American Males. *Journal of Instructional Psychology*. Vol. 31 (4), 280-283.
- Witt R. & Orvis J. (2010). *A 21<sup>st</sup> Century Imperative: A Guide To Becoming a School of the Future*. National Association of Independent Schools.
- Yahaya A., Sihes A. J. & Ghazali S. (2007). Amalan Pembelajaran Koperatif di Kalangan Guru-Guru Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional Di Tiga Buah Sekolah Teknik Di Selangor. *Jurnal Teknologi Universiti Teknologi Malaysia*.
- Yilmaz E. (2004), *The Relationship Between Novice and Experienced Teachers' Self-Efficacy For Classroom Management and Students' Perceptions of Their*

*Teachers' Classroom Management.* Bilkent University, Ankara. Tesis Master of Arts